



SAKSI...Dr Hou (tengah) melihat dokumen SoC dipegang Dr J Jiang (kiri) sambil diperhatikan Dr Syed Ahmad, semalam.

Metro 21/7/12 M540

Raih kepercayaan Taiwan

PETALING JAYA: Buat julung kalinya, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) memulakan langkah jauh dengan menandatangani Kenyataan Keyakinan (SoC) dengan Majlis Penilaian dan Akreditasi Pengajian Tinggi Taiwan (HEEACT) sebagai tanda kepercayaan terhadap standard, kualiti kelayakan akademik serta sistem pendidikan tinggi kedua-dua negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Hou Kok Chung berkata, SoC penting dan bermakna untuk negara, khususnya dalam usaha melonjakkan reputasi Malaysia sebagai hub kecemerlangan akademik.

"SoC ini julung kali dimesterai MQA dengan agensi kelayakan asing dan kita harap ia dapat mempromosikan negara sebagai destinasi pilihan untuk melanjutkan pengajian di peringkat tertiar," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis Jamuan Bersama Media di Menara PKNS, di sini, semalam

Kenyataan rasmi itu dime-

terai Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Datuk Dr Syed Ahmad Hussein dan Presiden HEEACT, Dr George J Jiang.

Menurut Dr Hou, SoC antara MQA dengan HEEACT itu bukan perjanjian mudah, sebaliknya sudah diperhalusi melalui proses audit lebih setahun, sebelum ia dimesterai semalam.

"Kita tahu bahawa SoC mempunyai kesan besar dalam proses pengiktirafan kelayakan akademik tertiar membabitkan dua negara yang mengamalkan sistem pendidikan tinggi berbeza.

"Seiring pemeteraian SoC ini, MQA selaku agensi tunggal jaminan kualiti kelayakan akademik di negara ini, mengesahkan kelayakan akademik tertiar Taiwan yang diperakui HEEACT.

"Malah, kita percaya, SoC MQA-HEEACT ini akan membawa lebih banyak manfaat terutama kepada ribuan pelajar Malaysia yang sedang atau merancang untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi di Taiwan," katanya.